




PERCUMA 4 - 11 Oktober 2013, 28 Zulkaedah - 6 Zulhijjah 1434

Polis bantuan,
Zahid enggan
ulas

muka 4

LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA
UNTUK SELANGOR
2012

muka 6&7



KENALI ADUN ANDA

HANIZA TALHA
N33 Taman Medan

muka 6&7



SYABAS...

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, mengucapkan tahniah kepada penyerang Pasukan Pilihan Selangor, Amri Yahyah, sewaktu perlawanan Piala Sultan Selangor ke-12, selepas menumpaskan Singapura 3-2 di Stadium Shah Alam. Hadir sama, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

Selangor kekal destinasi pelaburan utama di Malaysia

OLEH HAFIIZH MOKHTAR & NAEEM RAFFI

KERAJAAN Negeri komited menjadikan Selangor destinasi pelaburan pilihan melalui strategi pembangunan yang mampan dan kondusif untuk pelabur dan pulangan ekonomi jangka masa panjang.

Selain daripada merumuskan Belanjawan 2014 yang relevan menghadapi urbanisasi yang pesat, pentadbiran Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim turut menjalin kerjasama erat dengan pemodal dan industri antarabangsa melalui pelbagai usahasama dan misi dagangan.

Pada tahun 2012, Selangor mengungguli negeri-negeri lain daripada jumlah pelaburan terbesar untuk sektor perkilangan

(RM11.7 bilion) dan jumlah projek yang diluluskan (252 projek).

Peningkatan yang konsisten dari tahun 2009 ini dilaporkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Dari Januari hingga Jun tahun ini sahaja, Selangor mencatatkan pelaburan asing RM987 juta dan RM1.2 bilion pelaburan domestik. Sebanyak 97 projek diluluskan dalam waktu singkat itu, dengan jumlah keseluruhan proposed capital investment mencecah RM2.2 bilion.

"Selangor berjaya mengekalkan prestasi yang hebat dalam konteks ekonomi sejagat yang mencabar," tegas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kepada delegasi perniagaan asing dan diplomat di satu majlis mininum petang di Hotel Hilton, Pe-

taling Jaya, 26 September lepas.

"Kita mahu menjadi lebih baik, dan menarik sebanyak mungkin pelaburan asing pada separuh tahun kedua 2013 dan pada 2014, khususnya. Dengan sasaran ini, kita merancang untuk merencanakan lagi kerjasama dan misi antarabangsa," tambah beliau.

Hadir di majlis itu adalah Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Judith St George, Konsul Kehormat Suruhanjaya Tinggi Malta, Paul Vincent Galea dan Duta Perancis Martine Dorance.

Selaras dengan strategi itu, Abdul Khalid mengetuai delegasi perdagangan dari Selangor ke Eropah pada 29 September hingga 7 Oktober. Misi yang diatitkan oleh Selangor State Investment Centre (SSIC) itu ke Belgium dan menjalin hubungan

dengan Persekutuan Industri Sains Hayat dan Kimia Belgium yang mewakili 800 syarikat dari sektor berkenaan. Pengeluar utama wayar keluli, Bekaert, pengeluar kimia khas Emulco dan pengeluar kimiaoleo, Oleon turut dalam aturcara itu.

Di Switzerland, Menteri Besar dan delegasi melawat syarikat penyelenggaraan kapal terbang, SR Technics, dan Zeochem iaitu pengeluar pengayak molekul dan gel kromatografi bermutu tinggi, syarikat makanan global Nestle dan Persatuan Pengeluar Jentera Switzerland.

Delegasi kemudian ke Jerman dan mengadakan pertemuan bersama agensi Hensen Trade and Invest dan Dewan Perniagaan dan Industri Ostwestfalen, untuk meningkatkan

perdagangan antara Selangor, wilayah Hensen dan wilayah Ostwestfalen. Delegasi juga menemui Kumpulan Wurth, pengeluar utama peralatan pemasangan yang mempunyai 400 anak syarikat di 80 negara.

Melalui misi-misi seperti ini, Kerajaan Negeri mahu membina di atas kejayaan dari 2008 sehingga 2012: Selangor mengatasi negeri-negeri lain dari segi bilangan projek (1,091) dan nilai projek (RM30.9 bilion).

Keyakinan pelabur ini didorong prasarana yang lengkap, sumber tenaga kerja yang terlatih, dan kepercayaan kepada prestasi urus tadbir yang diperakui oleh Jabatan Audit Negara (lihat laporan Jabatan Audit Negara 2012 di muka 2 & 3).

Lihat muka 4 >>

Lebih pendapatan SSIC meningkat setiap tahun

KETUA Audit Negara berpuas hati dengan prestasi Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC) yang memperoleh lebih pendapatan tahunan dan lebih pendapatan terkumpul yang meningkat setiap tahun, dari tahun 2009 hingga 2011.

Jabatan Audit Negara mengambil perhatian SSIC bukan entiti berorientasikan keuntungan, tetapi berteraskan perkhidmatan, entiti itu menunjukkan lebih RM1.08 juta bagi tahun 2011, meningkat dari RM0.11 juta pada 2010, dan RM0.54 pada 2009.

“Selain itu, pengauditan yang dijalankan juga mendapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus

korporat SSIC adalah memuaskan,” menurut Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Pada tahun 2012, SSIC dianggotai oleh 7 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar dan 6 orang ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, EXCO Pelaburan, Perindustrian Dan Perdagangan, EXCO Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) serta Ketua Pegawai Eksekutif SSIC.

SSIC ditubuhkan untuk menjana ekonomi Negeri Selangor



Menteri Besar berbincang bersama diplomat dan delegasi dari dewan perniagaan asing

dengan meningkatkan kemasukan pelaburan sama ada dari dalam atau luar negara.

Berdasarkan Laporan Lembaga

ga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dari segi nilai, Selangor menerima jumlah terbesar dalam pelaburan yang diluluskan

dalam sektor perkilangan pada tahun 2012 (RM11.7 bilion), lebih tinggi daripada tahun 2011 (RM8.7 bilion) dan 2009 (RM6.8 bilion).

Selangor terbukti negeri paling popular di kalangan pelabur dengan 252 projek yang diluluskan bagi tahun 2012, pertambahan ke atas 263 projek pada 2011 dan 278 projek pada tahun 2009.

Pihak audit mengesyorkan SSIC mempertingkatkan usaha dalam membawa industri lain, antaranya sektor perkhidmatan dan asas tani sebagai pelaburan baru, dan memperketatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan.

Amalkan kronisme Kos RM320,000 bina Facebook, Twitter

KUALA LUMPUR - Pembaziran terhadap pembiayaan laman sosial Facebook dan Twitter oleh Kementerian Kesihatan sebagai antara siri ketirisan kerajaan BN.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, kerajaan gagal mengambil langkah konkrit demi prinsip pemerintahan yang baik.

“Kita lperlu diselidik siapa yang terlibat, siapa yang memberi kepada siapa. Mungkin ada unsur kronisme. Jadi memang pembaziran berlaku di semua peringkat kementerian,” katanya kepada Selangor Kini

Laporan Ketua Audit Negara semalam mempersoal bayaran RM320,000 oleh Kementerian Kesihatan kepada dua syarikat untuk kempen menerusi Facebook dan Twitter sewaktu ia diterajui Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Bayaran RM199,068 diberi kepada Eficaz Media Sdn Bhd untuk laman Facebook kempen ‘Tak Nak Merokok’.

Laman Facebook kedua dan akaun Twitter yang dibangunkan Astonish View Sdn Bhd untuk ‘Kempen intervensi penyakit tidak berjangkit’ pula menelan belanja RM120,500.

Program Hadiah Anak Masuk Universiti capai sasaran yang diharapkan

PROGRAM Hadiah Anak Masuk Universiti, yang merupakan salah satu daripada Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dipuji dalam Laporan Audit Negara kerana mencapai sasaran pemberian bantuan secara keseluruhan.

Siasatan Jabatan Audit Negara mendapati 87.8 peratus golongan sasar menerima manfaat daripada program MES itu.

Paling menarik perhatian audit adalah prestasi yang sangat baik, yang dicatatkan pada 2010 (99.9% dari 7,699 pemohon), 2011 (93.1% dari 7,167 pemohon) dan 2012 (98.6% dari 7,887).

“Semakan Audit mendapati prestasi Program adalah baik kerana bilangan penerima wang hadiah bagi bulan Julai 2008 hingga 2012 adalah tinggi iaitu 32,130 (87.8%) daripada 36,600 penerima yang disasarkan.



Penerima Pinjaman Pelajaran mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2010 hingga bulan Jun 2012

Perkara/ Tahun	Peringkat Pengajian								Jumlah	
	Perubatan		Ijazah		Diploma		Sijil			
Sasaran Tahunan	100		400		400		100		1,000	
Pencapaian/ Peratus	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
2010	12	12.0	491	122.8	527	131.8	10	1.0	1,040	104.0
2011	16	16.0	611	152.8	219	54.8	4	4.0	850	85.0
2012	16	16.0	484	121.0	205	51.3	37	37.0	742	74.2
Jumlah Pencapaian	44	14.7	1,586	132.2	951	79.3	51	17.0	2,632	87.7

Sumber: Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman, BPSM

“Analisis Audit selanjutnya juga mendapati prestasi Program bagi tahun 2010 hingga 2012 berada pada tahap sangat baik iaitu 93.1% hingga 99.9%,”

menurut laporan itu.

Program Hadiah Anak Masuk Universiti telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai 1 Julai 2008 dan bertujuan untuk meringankan beban pelajar bagi menampung yuran dan perbelanjaan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Dari Julai 2008 hingga 2012, sebanyak RM36.60 juta telah diperuntukkan dan RM32.13 juta telah dibelanjakan untuk menayakan program ini.

Dalam pada itu, Laporan Audit juga turut membuat beberapa syor bagi meningkatkan kejayaan program ini, termasuk meletakkan proses pengesahan dan perakuan yang ketat, serta memperkemas pemberian hadiah.

Prestasi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor dipuji

TABUNG Kumpulan Wang Biasiswa Selangor (Tabung) yang diurus secara langsung oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mendapat pujian Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dalam laporan beliau bagi tahun 2012.

Prestasi keseluruhan program biasiswa pinjaman tanpa faedah dan pinjaman boleh ubah ini disifatkan baik, namun berharap Kerajaan Negeri memperkemas dan melicinkan pengurusan dan penyeliaan program supaya menjadi lebih berkesan.

“Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2012, mendapati secara keseluruhannya, prestasi program adalah baik, namun masih boleh dipertingkatkan dari aspek pencapaian pengajian peringkat ijazah perubatan dan sijil serta mengadakan calon simpanan untuk mengisi tawaran yang ditolak,” menurut Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Dalam siasatan ini, pihak audit menyorot perhatian Kerajaan Negeri kepada sambutan masyarakat kepada program Tabung, melalui beberapa syor penambahbaikan, seperti:

Bilangan Penerima Wang Hadiah Berbanding Sasaran Bagi Bulan Julai 2008 Hingga 2012

Tahun	Bil. Sasaran Penerima [a]	Bil. Permohonan [b]	Bil. Pemohon Yang Layak [c]	Penerima Wang Hadiah	
				Bil. [d]	% [e=d/a x 100]
2008	5,000	5,098	3,718	3,718	74.4
2009	8,200	8,178	5,659	5,659	69.0
2010	7,700	10,749	7,699	7,699	99.9
2011	7,700	10,669	7,167	7,167	93.1
2012	8,000	10,470	7,887	7,887	98.6
Jumlah	36,600	45,164	32,130	32,130	87.8

Sumber: Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran



1 Menambah kuota dan sasaran bagi pengajian ijazah yang mendapat sambutan melebihi kuota dan sasaran yang ditetapkan.

2 Mengadakan senarai calon-calon simpanan yang berkelayakan untuk mengisi tawaran-tawaran yang ditolak.

3 Menetapkan tempoh bagi setiap proses penguatkuasaan prosedur supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Audit juga menggesa Kerajaan Negeri supaya mempertingkatkan kemahiran kakitangan tabung melalui latihan kemahiran dan pengetahuan

yang berterusan, dan memanfaatkan sepenuhnya sistem teknologi maklumat.

Sehingga Jun 2012, Kerajaan Negeri melaksanakan 7 jenis pinjaman/biasiswa (program) pelbagai peringkat pengajian melibatkan seramai 15,581 pelajar dengan jumlah pembiayaan RM140.08 juta.

Jawatankuasa khas perlu ditubuh

Siasat kehilangan senjata api

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Pakatan Rakyat (PR) mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi menilai Laporan Ketua Audit Negara.

Jawatankuasa ini perlu dianggotai Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Ia dizahirkan Ahli Parlimen Gombak, Azmin Ali, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang mendedahkan terlalu banyak ketirisan terutama melibatkan polis.

Timbalan Presiden PKR itu berkata, anggota perkhidmatan awam tidak boleh dipersalahkan secara keseluruhan berhubung kehilangan pelbagai peralatan dalam simpanan polis.

“Pakatan menegaskan perkara ini dihenti dengan membentuk jawatankuasa khas untuk melihat secara terperinci Laporan Ketua Audit Negara.

“Kalau ada keperluan mereka yang



bertanggungjawab terus dibawa ke muka pengadilan,” katanya di lobi Parlimen.

Laporan Ketua Audit Negara 2012 mendedahkan, polis merekod 309 barangan dalam bentuk senjata api, gari dan kenderaan, hilang.

Ia berlaku antara 2010 hingga 2012, melibatkan kerugian RM1.33 juta melibatkan kehilangan gari sebagai kes paling tinggi iaitu 156, diikuti senjata api (44) dan kenderaan polis (29).

Laporan Ketua Audit 2012 menunjukkan tahap bertanggungjawab jabatan dan agensi Kerajaan Negeri mengurus tadbir kewangan mereka dengan baik

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2011

Majlis Perbandaran Subang Jaya	95.93
Pejabat Tanah & Galian	94.84
Majlis Perbandaran Kajang	94.66
Majlis Agama Islam Selangor	93.58
Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam	93.43
Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri	91.68
Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor	90.95
Pejabat Perbendaharaan Negeri	90.94
Jabatan Kehakiman Syariah	88.69
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	88.31
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	88.13
Lembaga Urus Air Selangor	87.69
Majlis Bandaraya Shah Alam	87.17
Pejabat Daerah & Tanah Kuala Selangor	86.71
Majlis Daerah Hulu Selangor	84.96
Majlis Daerah Kuala Selangor	79.61
Pejabat Daerah & Tanah Petaling	78.23
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	76.26

■ Sangat Baik ■ Baik

0 20 40 60 80 100

KUALA LUMPUR - Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, ketika ditemui di Parlimen, enggan mengulas permohonan kerajaan Selangor menubuhkan pasukan Polis Bantuan (PB) untuk menjaga keamanan di semua wilayah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Usaha Selangor Kini mendapatkan respon daripada 'senjata khas' Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu tidak berhasil seperti yang diharapkan, ketika rakyat Selangor menyedari jumlah anggota polis yang diturunkan ke lapangan tidak mam-

Polis bantuan, Zahid Hamidi enggan ulas

pu mengekang jenayah yang meruncing.

"Saya tidak mahu ulas mengenai perkara itu sekarang," katanya kepada pemberita selepas sesi Dewan Rakyat di ruang legar Parlimen, baru-baru ini.

Selangor Kini sebelum ini melaporkan PBT-PBT di Selangor bersetuju penubuhan PB

adalah perlu untuk membantu meringankan beban PDRM melalui rondaan keselamatan di kawasan perumahan dan komersil.

Untuk menjayakan hasrat murni itu, PBT-PBT di Selangor bukan sahaja memohon untuk menubuhkan pasukan PB masing-masing, tetapi juga me-

minta pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) membenarkan kuasa PB diperluas untuk memelihara keamanan di kawasan perumahan dan komersil. Setakat ini, kuasa yang dibenarkan hanyalah menjaga premis dan pejabat kerajaan sahaja.

Atas desakan orang ramai, Polis Diraja Malaysia (PDRM)

akhirnya bersetuju untuk memberi kelulusan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menubuhkan pasukan polis bantuan dengan kekuatan 50 anggota, tetapi masih untuk menjaga premis dan pejabat kerajaan sahaja. Permohonan untuk PBT lain masih tidak diluluskan.

KDN, PDRM diminta kaji peranan polis bantuan

SHAH ALAM - Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekali lagi digesa untuk mengkaji semula cadangan meluaskan peranan dan kuasa Polis Bantuan (PBT) untuk membantu menjaga keamanan di kawasan kediaman dan komersil.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim (**gambar**), berkata keselamatan rakyat perlu diutamakan, terutama dengan kadar jenayah yang meningkat mutakhir ini.

"Kerajaan Negeri berharap Kementerian Dalam Negeri dan polis dapat kaji semula cadangan mereka. Sebenarnya yang memerlukan kawalan polis adalah kawasan kediaman dan juga perniagaan, bukan di pejabat kerajaan.

"Pejabat kerajaan tidak perlu diletakkan dalam senarai keutamaan tertinggi,


kerana semua pejabat kerajaan sudah mempunyai pengawal keselamatan.

Sementara itu yang menjadi rungutan orang ramai adalah kadar jenayah meningkat kerana kekurangan rondaan anggota polis," katanya kepada Selangor Kini.

Dari segi jumlah bilangan anggota polis bantuan, Teng berkata, ia bergantung kepada keupayaan dan keperluan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengambil kira kepadatan jumlah penduduk di kawasan seliaannya.

"Seperti di Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam, mereka mempunyai peruntukan

keuangan lebih selesa dan memandangkan kepadatan penduduk di kawasan ini adalah tinggi, maka wajar mereka perlukan lebih ramai polis bantuan berbanding kawasan kurang padat," katanya.



Datuk Bandar MBSA bersama-sama Timbalan, Mohtar Hani dan Pengarah Kewangan MBSA, Roslan Darus, menunjukkan Dokumen Anggaran Belanjawan MBSA 2014 kepada media

Mesyuarat Pembentangan Belanjawan 2014 MBSA

Lulus peruntukan tubuh polis bantuan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menubuhkan pasukan polis bantuan menerusi peruntukan Belanjawan 2014, berjumlah RM350.6 juta yang diluluskan dalam Mesyuarat Pembentangan Belanjawan 2014 MBSA, baru-baru ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan berkata, pasukan itu akan diwujudkan selepas mendapat kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kita akan mohon melalui Kerajaan Negeri kepada Ketua Polis Negara untuk menubuhkan pasukan polis bantuan dengan 100 anggota.

"Harapan kita semoga akan dapat kelulusan polis bantuan ini dan jawatan yang akan diisi 25 anggota, manakala 75 anggota lagi akan diserap daripada ang-

gota penguatkuasa yang ada sekarang," katanya dalam sidang media selepas mesyuarat.

Jaafar berkata, mengikut pecahannya ialah 30 peratus daripada tugas polis bantuan itu adalah bagi membantu anggota polis untuk menguruskan soal lalu lintas dan jalan raya, manakala 30 peratus lagi untuk menjaga segala aset pihak berkuasa negeri dan MBSA sendiri.

Baki 40 peratus pula, katanya, bertujuan menjalankan rondaan bersama anggota polis di kawasan 'hot spot' bagi pencegahan jenayah dengan tumpuan seperti kawasan perniagaan, perumahan, dewan orang ramai dan sebagainya.

"Apabila mendapat kelulusan, MBSA akan mengiklankannya supaya 25 jawatan ini dapat diisi," katanya.

<< dari muka 1

Pendidikan pemangkin ekonomi

"Selangor berbangga menjadi tuan rumah kepada lebih 100 institusi pengajian tinggi. Tambahan pula, lebih 30 sekolah antarabangsa dan banyak pusat-pusat latihan vokasional boleh ditemui di Selangor, lantas memberi nilai tambah kepada pembangunan dan latihan industri," kata Abdul Khalid.

Cabaran masa hadapan yang unik memerlukan wawasan yang realistik. Dialog Belanjawan 2014 mengetengahkan tiga fokus utama menangani isu ekonomi, masyarakat dan persekitaran yang bakal berbangkit apabila

85% daripada kawasan di Selangor menjadi kawasan bandar menjelang 2020.

"Kita faham perlunya projek-projek pembangunan perumahan disepadukan dengan pembangunan industri kerana rakyat memerlukan pekerjaan dan menyumbang kepada ekonomi.

"Topik ini harus menjadi keutamaan dalam agenda kita untuk mempromosikan perkembangan ekonomi yang mampan. Kita amat berminat untuk menjalin kerjasama antarabangsa dalam pelbagai bentuk," kata Abdul Khalid.

Tiada kenaikan sewa PPRT - Iskandar

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Keputusan untuk menaikkan kadar sewa di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Lembah Subang merupakan keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Exco pada Ogos 2007, iaitu sebelum Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Kenaikan itu menjadikan kadar sewa daripada RM124 kepada RM250 dengan alasan kos penyelenggaraan yang meningkat.

Bagaimanapun, pada Disember 2008, Kerajaan Negeri PR bersetuju untuk

menurunkan kadar sewa yang dinaikkan kepada kadar asal kerana tidak mahu rakyat terbeban dengan kadar sewa yang tinggi.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata Kerajaan Negeri membuat keputusan terbabit berdasarkan had kelayakan pendapatan penghuni di PPRT itu.

"Kita bagi kelonggaran kepada penghuni yang berpendapatan RM1,500 ke bawah yang mempunyai banyak tanggungan, warga emas atau Orang



Iskandar Samad

Kurang Upaya (OKU) untuk mengekalkan kepada RM124 sebulan.

"Manakala, kadar sewa lebih dari RM1,500 dan berkemampuan kita kekalkan kepada RM250. Penurunan itu bertujuan meringankan beban penduduk yang rata-ratanya berpendapatan rendah," katanya ketika dihubungi.

Iskandar berkata demikian bagi menafikan dakwaan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri (MT-PNS), Datuk Seri Noh Omar berhubung

kenaikan kadar sewa terbabit.

Iskandar menjelaskan selain bertindak mengurangkan kadar sewa itu, pada tahun lalu, Kerajaan Negeri turut prihatin dengan membelanjakan sebanyak RM3.2 juta untuk penyelenggaraan PPRT di Lembah Subang dan Kota Damansara bagi kerja-kerja pembaikan lif dan pam air.

Noh sebelum ini mendakwa Kerajaan Negeri menindas penghuni PPRT terutamanya di Lembah Subang apabila gagal melaksanakan kerja pembaikan kemudahan tetapi menaikkan kadar sewa.

Beliau mendakwa kadar sewa dinaikkan daripada RM124 (zaman Umno-BN) kepada RM250 ketika ini.

Penduduk PPRT nafi dakwaan Noh Omar

PETALING JAYA - Tiada kenaikan kadar sewa rumah di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Lembah Subang, setakat ini.

Rata-rata penghuni yang ditemui menafikan ada kenaikan sewa seperti yang di dakwa Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri (MT-PNS), Datuk Seri Noh Omar, baru-baru ini.

Ketua Blok H PPRT, Rahman Aman, 56, berkata kadar sewa di PPRT itu masih dikekalkan sejak 2000.

"Kadar sewa bagi yang layak masih RM124, manakala bagi orang luar sebanyak RM250," katanya ketika ditemui.

Rahman berkata setakat ini beliau tidak menerima sebarang notis atau makluman berkenaan kadar sewa di PPRT itu.

"Kebanyakan orang luar yang datang menyewa dengan kadar RM250 itu perlu berbincang dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) supaya melayakkan mereka mendapat kadar sewa yang rendah.

"MBPJ akan melihat pendapatan isi rumah, jadi mereka tidak boleh melulu dakwa kadar sewa mereka tinggi berbanding orang lain," katanya.

Sementara itu, penduduk yang mahu dikenali sebagai Yop, 34, mengesahkan perkara itu.

Beliau yang menetap di PPRT itu sejak 2001 berkata, sememangnya MBPJ tidak pernah menaikkan kadar sewa.

"Saya tinggal di sini sejak zaman bujang lagi, memang tidak pernah ada kenaikan sewa," katanya.

Penetapan kadar sewaan di PPRT itu berdasarkan pendapatan keluarga.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Jumima Mohd Yusof, 30, berkata beliau ada mendengar mengenai



Rahman Aman

Jumima Mohd Yusof

(Kiri) Flat PPRT yang didakwa dinaikkan kadar sewa

perkara terbabit, namun setakat ini kadar sewa rumahnya masih kekal RM124 sebulan.

Beliau yang menetap di PPRT itu sejak tiga tahun lalu, memperolehi kadar sewa rendah berikutan suaminya bekerja sendiri, manakala beliau suri rumah.

"Saya ada dengar, tetapi tidak ada

pengesahan daripada MBPJ, jadi ia mungkin hanya khabar angin," katanya.

Bagi kadar sewa RM124, adalah daripada kalangan penduduk setinggan di kawasan sekitar yang dipindahkan ke PPRT itu, manakala bagi kadar sewa RM250 pula, terdiri daripada penyewa baru.

Pembangunan ambil kira kepentingan pemilik asal

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menggalakkan usaha pembangunan semula rumah-rumah pangsa lama kepada rumah mampu milik dalam usaha memberi persekitaran kediaman yang lebih selesa dan harmoni kepada rakyat.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata ada cadangan agar rumah-rumah pangsa lima tingkat seperti di Taman Dagang dirobohkan untuk memberi ruang kepada pembangunan semula pangsapuri-pangsapuri baru 12 tingkat bertaraf rumah mampu milik.

Menurut cadangan tersebut, pemilik-pemilik asal akan menerima unit-unit di pangsapuri-pangsapuri baru dengan keluasan sehingga 1,200 kaki persegi secara percuma. Manakala bakinya akan dibuka untuk orang ramai.

"Dengan cadangan tersebut, lebih ramai penduduk akan dapat membeli rumah mampu milik," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis di Menara MPAJ, Pandan Jaya ketika diminta mengulas cadangan dibina lebih banyak rumah mampu milik di kawasan DUN Chempaka.

Walau bagaimanapun, Iskandar berpandangan cadangan ini lebih sesuai dilaksanakan oleh pemaju swasta. Mereka bolehlah mengajukan cadangan mereka kepada pemilik-pemilik rumah dan mengadakan rundingan dengan mereka.

"Buat masa ini persetujuan 100 peratus diperlukan daripada pemilik-pemilik rumah sebelum pembangunan semula dapat dilaksanakan.

"Ia juga tertakluk kepada polisi-polisi perancangan seperti yang ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan bagi sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan," jelas Iskandar.

Beliau juga menegaskan bahawa sebarang projek sewajarnya berteraskan pembinaan rumah mampu milik.

OLEH NAEEM RAFFI

KETERLIBATAN pihak berkuasa dan masyarakat setempat adalah kunci utama dalam usaha menentang jenayah, dan kerjasama itu harus berterusan sebagai jaminan kepada suasana kehidupan yang selamat.

Menyedari akan keperluan itu, satu kempen keselamatan akan dilancarkan sebagai persediaan kepada penduduk Taman Medan dalam mendepani masalah jenayah yang semakin berleluasa.

Sebagai permulaan, satu sesi dialog

Bagi mengurangkan kadar jenayah

Kerjasama polis dan penduduk dipererat

bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membincangkan bentuk jalinan dan kerjasama antara badan keselamatan dan penduduk, diadakan.

“Lanjutan daripada sesi dialog itu, polis bersetuju untuk adakan sesi dialog bersama penduduk setempat.

“Dari situ kita boleh lihat apa masalah, apa jenayah dan apa langkah-langkah yang boleh diambil secara bersama dalam memastikan kawasan kediaman mereka terhindar daripada jenayah,” kata Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Tertarik dengan konsep Kepolisian Komuniti ‘Community Policing’, Haniza juga menyorkan penduduk setempat menyertainya.

“Sebelum ini, kerjasama dan penglibatan antara kedua-dua pihak ini seakan terbatas. Jadi saya menyorkan persatuan penduduk menyertai Kepolisian Komuniti.



“Konsep itu merupakan satu kaedah yang lebih efektif di mana orang awam bersama-sama polis membanteras jenayah.

“Mereka ingin ikut serta akan diberikan khusus oleh PDRM, sekaligus, tahap kerjasama masyarakat dan polis akan lebih baik,” ujarnya.

HANIZA TALHA ADUN Taman Medan

Umur : 51 Tahun (12 Nov 1962)
Asal : Batu Gajah, Perak
Suami : Shahrudin Omar
Anak : 7 cahaya mata
(4 lelaki , 3 perempuan)

PENDIDIKAN

- Penang Technical School
- University Of King's Lynn, Norfolk England (Bidang Arkitek)

PENGLIBATAN POLITIK

- ADUN Taman Medan (2008-Kini)
- Timbalan Speaker DNS (2008-2012)
- Ketua Wanita Keadilan Selangor

Sediakan kawasan riadah untuk penduduk

KAWASAN pakir yang terhad, tiada kawasan untuk beriadah dan tiada taman permainan kanak-kanak.

Itu antara masalah yang menghimpit penduduk Pangsapuri Medan Jaya di sini.

Sejak dibina sembilan tahun lalu, penduduk di tiga blok pangsapuri di situ terhimpit dengan pembangunan yang tempang dan tidak menyentuh nilai insani.

Atas keprihatinan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Taman Medan, Haniza Talha berjaya mendapatkan sebidang tanah seluas 3.75 ekar bagi menampung keperluan itu.

“Dengan adanya tanah ini, kita akan sediakan kawasan rekreasi, penduduk juga boleh guna ruang yang ada untuk bercucuk tanam.

“Kawasan pakir tambahan juga boleh didirikan di tanah itu bagi menampung kenderaan penghuni, jadi



Haniza membawa wartawan meninjau ke tapak yang akan dibangunkan kelak

kawasan sekitar kediaman tidak sesak lagi seperti hari ini,” jelasnya.

Tanah yang terletak bersebelahan kawasan kediaman itu adalah milik Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Sebelum ini, tanah tersebut tidak dibangunkan dan

hasil perbincangan, Jais meluluskan permohonan menggunakan tanah tersebut.

Haniza berkata, pembangunan atas tanah itu nanti akan dibangunkan secara bersama, yang melibatkan penduduk, PKM Taman Medan, NGO dan juga Maj-

lis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

“Ini adalah satu contoh usaha memperkasa masyarakat ‘Caring Community’, yang mana PKM Taman Medan berikan idea dan tanah, selebihnya penduduk usahakan.

“Alhamdulillah, keluhan kami selama ini di dengar pihak YB. Terima kasih atas usaha YB dapatkan kawasan tambahan untuk kami,”

FARIDAH HITAM, 44

Sampai bila kanak-kanak di sini nak bermain di tapak pakir dan kaki lima koridor, atau ke padang di perumahan sebelah, kami, ibu bapa risau mereka bermain jauh dari kawasan rumah,”

ANITA SARIMAN, 38



Di Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran Pasaraya Matahari, Taman Dato Haron



STATISTIK MES TAMAN MEDAN

SKIM MESRA USIA EMAS SMUE (2008-KINI)

Ahli Berdaftar **3,504**

Ahli yang telah (Jom Shopping) menerima manfaat **1,333**

Ahli yang belum menerima manfaat **2,171**

Taman Medan telah menganjurkan 18 kali Program Jom Shopping sejak dilancarkan pada Julai 2011

SMUE (KHAIRAT KEMATIAN - RM2,500)

● Melayu **388** ● Cina **134**

● India **186** ● Lain-lain **9**

Jumlah penerima **717**

TAWAS (2008-KINI)

● Melayu **1,676** ● Cina **198**

● India **509** ● Lain-lain **55**

Jumlah Penerima **2,438**

MIMBAR (SEPT 2012-KINI)

Pemohonan **350**

Terima **190**

JOM SHOPPING IBU TUNGGAL (FEB 2013-KINI)

Ahli Berdaftar **437**

Ahli yang telah menerima manfaat (Jom Shopping) **120**

Ahli yang belum menerima manfaat **317**

‘Caring Community’ pupuk semangat kejiranan

HIDUP bernafsi-nafsi, ‘siapa lu siapa gua’ memang sudah lazim dalam kehidupan di bandar hari ini.

Menyedari keadaan itu, Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Taman Medan mengambil inisiatif menubuhkan program ‘Caring Community’ sebagai usaha memperkasa kehidupan bermasyarakat.

Adunnya, Haniza Talha, berkata menerusi program ‘Caring Community’, masyarakat akan dibentuk dengan penerapan nilai-nilai integriti, sikap lebih bertanggungjawab, peka dan prihatin.

“Buat penggal ini, saya mengarikan beberapa program pemerkasaan masyarakat di bawah ‘Caring Community’, yang mana ia akan membantu komuniti di sini ke arah kehidupan yang lebih harmoni.

“Hasilnya nanti, saya harapkan masyarakat lebih bertanggungjawab, patuh undang-undang, peka kepada hal sekeliling dan mampu berdikari dalam menyelesaikan masalah di kawasan kediaman mereka,” ujarnya.

Mengakui proses membentuk kembali institusi masyarakat bukan suatu

perkara yang mudah, Haniza berkata, usaha itu adalah tanggungjawab dan cabaran yang harus dipikulnya selaku Adun.

“Pada saya, pemimpin yang berjaya bukan sekadar memberi kemajuan prasarana semata-mata, tetapi harus disertai dengan usaha memperkasa institusi masyarakat.

“Apa guna kalau kita memiliki bangunan tinggi, jalan raya yang hebat, kemudahan asas serba lengkap, tetapi anggota masyarakatnya lemah dan hidup masalah,” ujarnya.

Sedarkan masyarakat penting jaga kesihatan

POLA hidup sihat dan usaha pemerkasaan sesebuah masyarakat adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan.

Menyedari hakikat itu, Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Taman Medan menganjurkan program ‘Hidup Sihat’ kepada masyarakatnya, bermula Oktober depan.

Adunnya, Haniza Talha, berkata program sehari itu akan dimuatkan dengan aktiviti senaman, penyediaan makanan yang sihat dan taklimat kesihatan.

“Dalam program ini, kita akan bawa chef yang akan menyediakan menu masakan yang sihat untuk dipelajari oleh penduduk setempat.

“Jadi masyarakat akan mempelajari pelbagai jenis menu masakan yang sihat sepanjang program ini,” jelasnya.

Haniza menambah, program ‘Hidup Sihat’ itu juga akan dimuatkan dengan kempen ‘Celik Herba’ yang mana anggota masyarakat akan didedahkan dengan kelebihan khasiat dan manfaat tumbuhan itu dalam kehidupan seharian.

“Mungkin ramai di kalangan kita tidak sedar herba dan ulam yang ada di sekitar banyak kegunaannya.

“Khasiat yang ada bukan sekadar renciah untuk penyediaan makanan, malah ia mempunyai pelbagai khasiat bagi mengubati pelbagai jenis penya-



Mesin air nano hidrogen percuma untuk kemudahan penduduk

kit,” ujarnya.

Serentak dengan usaha membentuk masyarakat yang sihat, PKM Taman Medan juga menggalakkan penduduk sekitarnya mengamalkan pengambilan air terawat berkualiti tinggi.

Usahasama antara PKM Taman Medan dengan sebuah Syarikat swasta akan menempatkan 50 mesin air Nano Hidrogen disekitar DUN itu.

“Setakat ini kita berjaya menempatkan lebih 30 buah mesin dan bakinya akan dipasang dalam sama terdekat,”

jelasnya.

Haniza berkata, penduduk boleh mendapatkan air nano hidrogen itu secara percuma pada setiap hari bermula dari 11 pagi hingga 2 petang.

Manakala di luar waktu itu penduduk boleh membelinya dengan harga serendah 20 sen setiap 500 ml.

“Dikatakan, air nano hidrogen ini berpotensi meningkatkan sistem imunisasi dan merawat pelbagai penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis,” ujarnya.

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:
Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN:
Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com,
Lizawati Madfa, Norhayati Umor:
chayunkyatt@gmail.com Siraj Mohd Zaini,
Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin,
Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites
No 1, Persiaran Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856
Emel: newsselangorkini@gmail.com



▲ KONTIJEN Negeri Selangor melambaikan tangan kepada tetamu jemputan pada Majlis Perasmian, Penghargaan dan Penutup Sukan Perpustakaan Awam Se Malaysia di Dataran Kemerdekaan Shah Alam



▲ ADUN Tanjung Sepat, Haslin Hassan, menerima kalungan bunga daripada Pengerusi PIBG, SRJK (T), Teluk Merbau, Uthayakumar sewaktu hadir di program sukan sekolah tersebut



▲ ADUN Morin, Hasnul Baharuddin turut membuat pemeriksaan kesihatan di Karnival Masjid Sultan Abd Samad, Kampung Sri Jugra

▲ LAWATAN kerja Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman ke nurseri bunga di Kampung Melayu Sungai Buloh. Turut serta dalam lawatan tersebut, Ketua Kampung dan AJK terlibat



▲ AHLI Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud dan Adun Seri Andalas, memotong kek sempena meraikan ulang tahun pertama Kumpulan Tai Chi Sentosa, di padang bersebelahan Pasar Pagi Sentosa



▲ ADUN Sijanggang, Dr Yunus Hairi di Dewan Orang Ramai Batu 7, Sijanggang sewaktu Program Keselamatan dan Dialog Masyarakat bersama polis



▲ ADUN Selat Klang, Dr Halimah Ali, bersama bayi-bayi yang dikhitamkan di Surau Darissalamah Sungai Bertih. Dalam program tersebut, Dr Halimah mengkhitan-kan seramai 15 orang bayi dan kanak-kanak perempuan



▲ ADUN Damansara Utama, Yeo Bee Yin bersama peserta yang mengambil bahagian dalam program gotong-royong kebersihan di kawasan SS2 Komersial di DUN beliau



▲ DIPERCAYAI disebabkan litar pintas, Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridwan, turun padang melawat dua buah rumah yang terbakar di Kampung Kerdas 2, Gombak



▲ MEWAKILI Pertubuhan Belamiskin, Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari, menyampaikan sumbangan kepada golongan marhaen di Seksyen 16, Shah Alam

Kembalikan kegemilangan sukan hoki wanita



Pemain hoki wanita kebangsaan diraikan pada Majlis Makan Malam Kejohanan Hoki Wanita Asia

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN) perlu mengaktifkan peranan Majlis Sukan Daerah (MSD) jika mahu mengembalikan kegemilangan sukan termasuk hoki di negeri ini.

Exco Belia dan Sukan, Dr Yunus Hairi, berkata pihaknya sudah berbincang dengan MSN bagi mencari beberapa penyelesaian.

“Antaranya, kalau Selangor mahu jadi yang lebih baik dari segi kekuatan sukannya, kita kena bangunkan di peringkat MSD, tidak kira apa jenis sukan, kena berupaya lakukan.

“MSN perlu bersedia untuk galas tanggungjawab itu, bukannya melepaskan tanggungjawab kepada persatuan kerana kita tahu

persatuan tiada peruntukan.

“MSN perlu bangunkan MSD untuk dapatkan atlet berkebolehan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam Kejohanan Hoki Asia di Kompleks Kebudayaan Belia dan Sukan di sini.

Yunus berkata, MSD perlu mencari pelajar dari sekolah rendah dan menengah untuk digilap supaya Selangor tidak ketandusan atlet berbakat.

“Hoki wanita tidak menyerlah berbanding lelaki. Tidak seperti dulu, hoki sukan yang popular. Sekarang kita ketinggalan berbanding Korea dan Jepun. Jadi pembangunan hoki perlu dilaksanakan dari akar umbi,” katanya.

Exco gesa TNB teroka tenaga alternatif

OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong menyarankan Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya melaksanakan kaedah ‘Micro Sitting’ di bangunan-bangunan Kerajaan atau kawasan sekitar sebagai sumber tenaga alternatif dalam kehidupan harian.

Cadangan itu diutarakan selepas TNB mengambil keputusan untuk membina dua loji janakuasa berkuasa arang batu berteknologi tinggi di Perak bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat.

Elizabeth berpendapat keputusan TNB itu mengejutkan pihaknya, sedangkan negara luar kini sedang menumpukan pelaksanaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui antaranya tenaga solar, biomas dan hidro.

“Namun, kita di Malaysia masih menumpukan kepada sumber yang akan habis dalam masa terdekat dan sumber itu tidak boleh diperbaharui.

“Saya mencadangkan, TNB supaya menggunakan peruntukkan itu untuk menggunakan kaedah ‘Micro Sitting’ di bangunan-bangunan kerajaan dan kawasan sekitar supaya



Elizabeth Wong

sasaran untuk mendapatkan tenaga lebih baik dan boleh diperbaharui,” katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Malaysia Green Technology Corporation.

Semalam, TNB mengemukakan akan membina dua loji janakuasa berkuasa arang batu teknologi tinggi berkeupayaan 1,000 MW di Manjung, Perak bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat.

Penggunaan tenaga pada masa ini dijangka meningkat sebanyak lima peratus setahun dan kedua-dua projek itu dalam perancangan syarikat.

Kedua-dua projek itu akan bermula tidak lama lagi dan akan siap dalam masa empat tahun akan datang.

Malaysia menggunakan kira-kira 15,000 MW hingga 16,000 MW kuasa setiap hari, dan angka itu dijangka meningkat setiap tahun.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM(CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	* Jenis Syarikat	Taraf	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kwarters Jurutera Daerah, JKR Gombak, Selangor Darul Ehsan. No. Tender: JKR/SEL/(N)026(T)/2013	T1 <i>Kontraktor Diwajibkan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.</i>	Bumiputera	CIDB Gred : G3 Kategori : B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam. Pada 7.10.2013 (Isnin) Sehingga 21.10.2013 (Isnin)	Lawatan Tapak digalakkan	RM200.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 29.10.2013 (Selasa) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di / Lembaga Pembinaan Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - T2 - Tidak berkenaan

Pertahan Piala Sultan Selangor, Menteri Besar ucap tahniah



Penonton Selangor, bersalaman dengan bekas pemain Newcastle Jets, Adam Griffiths selepas tamat perlawanan



Pasukan Pilihan Selangor mencatatkan kejuaraan kali keenam selepas memenangnya pada 2001, 2003, 2005, 2008 dan 2012

OLEH SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengucapkan tahniah kepada skuad bola sepak Selangor yang mempertahankan Piala Sultan Selangor ke-12 selepas menumpaskan Singapura 3-2 di Stadium Shah Alam, baru-baru ini.

"Tahniah kepada pasukan bola Selangor kerana berjaya menewaskan Singapura dalam Piala Sultan Selangor!" katanya menerusi Facebook.

Abdul Khalid hadir mengiringi DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan mencemar duli bagi menyaksikan perlawanan yang menemukan dua musuh tradisi Liga

Biarpun bergelut dengan isu peletakan ketua jurulatih, Irfan Bakti Abu Salim, pasukan Merah Kuning ternyata beraksi cemerlang untuk tidak mengecewakan lebih 50,000 penonton yang hadir malam itu

Malaysia suatu ketika dahulu.

Pada edisi tahun lalu, Selangor merampas kembali piala berkenaan dengan kemenangan 3-1 menewaskan Singapura selepas kemarau selama tiga tahun berturut-turut.

Pasukan bimbingan jurulatih, P Maniam itu muncul juara hasil dua jaringan tonggak penyerang import Francis Forkey Doe dan satu gol dari pemain import pertahanan, Adam Griffith.

Biarpun bergelut dengan isu peletakan ketua jurulatih, Irfan Bakti Abu Salim, pasukan Merah Kuning ternyata beraksi cemerlang untuk tidak mengecewakan lebih 50,000 penonton yang hadir malam itu.

Kesebelasan utama dibarisi Asharuddin Putra Omar, Norazlan Razali, Mohd Amri Yahyah, Mahali Jasuli, Adam Griffith, Forkey Doe, S.Kunalan, K.Gurusamy, Mohd Nashriq Baharom, Mohd Fitri Shazwan dan S.Veenod.

Pasukan Selangor membawa pulang trofi dan wang tunai RM50,000 yang disampaikan Baginda sejurus tamat permainan.

Pada malam itu, peminat bola sepak tempatan turut dihiburkan dengan perlawanan antara pasukan Veteran Selangor menentang Veteran Singapura, Veteran Singapura menang 1-0.

5 pusat cuci kereta haram diserbu

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Jabatan Imigresen Selangor (imigresen) menjalankan serbuan di lima pusat cucian kereta haram di Subang Jaya dan Puchong, baru-baru ini.

Pusat cucian tersebut beroperasi dengan mengupah warga asing sebagai pekerja mereka.

Operasi bersepadu itu dilancarkan kedua-dua pihak berkuasa berdasarkan risikan dan aduan awam berhubung aktiviti tidak sah dilakukan pihak tidak bertanggungjawab demi mengaut keuntungan mudah.

Kelima-lima pusat cucian kereta haram menggunakan khidmat pekerja warga asing itu dengan menjalankan perniagaan mereka di kawasan tidak dibenarkan seperti siar kaki lima serta kawasan tepi jalan raya.

Pengarah Penguatkuasa MPSJ, Mohd Rasip Rasul berkata, hasil dari operasi itu pihaknya menyita lima tempat

cucian kereta haram, manakala imigresen memberkas 16 pekerja asing, iaitu 15 warga India dan seorang Pakistan.

Beliau berkata, pusat cucian kereta haram itu adalah tiga di USJ 1 manakala dua lagi di Bandar Puteri 5.

“Semua pusat cucian kereta di tepi jalan itu adalah haram. Tidak boleh dilesen atau dipermitkan. Kelima-limanya banyak menyalahgunakan air dan elektrik.

“Berpandukan syarat, pusat cucian kereta mesti dibuat di dalam rumah kedai dan tidak boleh bersebelahan dengan restoran dan juga klinik.

“Sistem perairan mengikut prosedur yang ditetapkan, iaitu tidak boleh mengalirkan air keluar ke jalan raya, manakala lantai dan dinding dibina daripada jubin,” katanya kepada media selepas operasi membabitkan 38 anggota penguatkuasa MPSJ dan imigresen.



Peralatan seperti pembersih vakum turut dirampas dalam operasi

PEMBERITAHUAN

DISKAUN KOMPAUN MPK RM15 HINGGA 1 NOVEMBER

SEMAKAN KOMPAUN

Ibu Pejabat MPK & Pejabat Cawangan MPK, Jln Tgku Kelana

PEMBAYARAN

- Ibu Pejabat MPK
- Pejabat Cawangan MPK, Kompleks Pasar Besar Meru
- Pejabat Cawangan MPK, Dewan Orang Ramai Meru
- Kaunter MPK, Pasaraya Giant Bukit Tinggi
- Kaunter MPK, Perhentian Bas Pelabuhan Klang
- Pejabat Cawangan MPK, Kompleks Pasar Besar Meru
- Dewan Orang Ramai Meru
- Pejabat Cawangan MPK, Pasar Pekan Kapar
- Kaunter Bergerak MPK
- Kaunter Roadshow MPK



Kanak-kanak Tadika KEMAS Nurul Ehsan, melihat nyamuk TOXO yang dipamerkan di Pangsapuri Sri Tanjung

Nyamuk Toxo kurangkan Aedes

OLEH AFEEQA AFEERA

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melepaskan nyamuk gajah atau Toxorhynchites (Toxo) dewasa di hutan Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 di sini, bagi mengurangkan populasi nyamuk Aedes.

Program Kawalan Pembiakan Aedes dan Pencegahan Demam Denggi itu dibuat dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan bank CIMB yang memperuntuk RM60,000 bagi menjayakan program itu.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi, berkata pang-

sapuri itu lokasi kedua selepas Kampung Sri Aman berikutan populasi nyamuk Aedes didapati tinggi antara 500 ke 700 jentik-jentik setiap bulan.

Beliau berkata, perbincangan antara MPSJ dan USM mengenai pemilihan tapak baru itu diadakan Mei lalu selepas pra-kajiannya dijalankan sekitar Jun.

“Habitat nyamuk Toxo sesuai kerana pangsapuri itu ada tumbuhan subur yang menghasilkan madu bagi menggalakkan pembiakan Toxo.

“Diharapkan ia memberi impak positif antara lima hingga enam bulan akan datang,” katanya pada sidang media selepas

pelancaran program berkenaan.

Asmawi menasihati orang ramai menjaga kebersihan dan bekerjasama memelihara tumbuhan hijau di pangsapuri itu bagi menggalakkan pembiakan nyamuk Toxo.

Katanya, Jabatan Kesihatan MPSJ mahu memperluas program pelepasan nyamuk itu ke kawasan lain bagi mencegah wabak denggi.

“Kita jadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama menggunakan kaedah pencegahan secara biologi untuk mencegah pembiakan Aedes tanpa perlu menggunakan bahan kimia,” katanya.

Indeks jenayah turun 30 peratus

SHAH ALAM - Data polis menunjukkan indeks jenayah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berkurangan sebanyak 245.28 kes bagi setiap 100,000 penduduk antara Januari hingga Ogos berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pengurangan sebanyak 30.48 peratus itu membuktikan MBSA mencapai sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebanyak lima peratus.

MBSA juga mencatatkan pen-

gurangan bagi indeks jenayah jalanan apabila mencatatkan pengurangan 36.78 peratus mengatasi 20 peratus yang ditetapkan.

Ia dinyatakan dalam Mesyuarat Majlis MBSA kali ke-9 bagi 2012/2013, baru-baru ini di Wisma MBSA di sini, bertujuan membincangkan jalan penyelesaian berkenaan isu yang dibangkitkan Ahli Majlis.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, berkata kejayaan itu diraih hasil kerjasama

pihak keselamatan dan orang ramai dalam membendung kejadian jenayah.

“Ini hasil usahasama kita dengan polis seperti meningkatkan pencahayaan dengan memasang lampu dan menambatkan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik.

“Kerjasama orang ramai juga penting,” katanya sambil menambah ia sebahagian daripada kejayaan inisiatif Shah Alam sebagai bandar selamat.

5 premis diserbu, 2 disita

KLANG - Dua premis disita dalam satu operasi rumah urut yang dijalankan Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran sekitar Bukit Tinggi di sini.

Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPK, Andry Arman Masrom yang mengetuai operasi berkenaan berkata, sebanyak lima premis diperiksa dan ada diantaranya menyediakan pintu rahsia bagi membolehkan pelanggan dan pekerja melarikan diri apabila diserbu pihak berkuasa.

Menurutnya, ketika serbuan, beberapa kondom berselerakan

dipercayai baru digunakan dan pihaknya percaya premis turut menawarkan perkhidmatan seks kepada pelanggan yang datang.

“Antara barangan yang disita ialah tilam, bantal dan langsir serta tindakan diambil di bawah Undang-undang Kecil (UUK) 3, Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan MPK 2007 kerana beroperasi tanpa lesen.

“Operasi seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada pihak yang melanggar undang-

undang ditetapkan majlis terutama berkaitan premis rumah urut,” katanya.

Andry berkata, rumah urut berkenaan dipercayai menawarkan tiga pakej kepada pelanggan antaranya urut batin, B2B dan perkhidmatan seks dan bayaran sekitar RM135 sehingga RM168.

Menurutnya, MPK tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang ingkar kepada undang-undang dan majlis sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumat daripada orang awam bagi tujuan pencegahan.



Sebahagian barang yang dirampas, diangkut ke dalam lori

MBPJ tambah 50 penguatkuasa keselamatan atasi jenayah



Alinah, bersama ACP Arjunaidi, menyempurnakan Pelancaran Pasukan Rondaan Keselamatan MBPJ

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menambah anggota penguatkuasa dalam pasukan rondaan keselamatan bersama polis bermula tahun depan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad, berkata ia membantu tugas rondaan itu diperluas ke kawasan bandar raya supaya tahap keselamatan penduduk dapat dipertingkatkan.

“Buat masa ini hanya ada lapan

anggota, iaitu empat penguatkuasa dan empat anggota polis tetapi tahun depan, MBPJ akan tambah 50 penguatkuasa lagi.

“Dengan itu, tugas rondaan dapat dijalankan di lebih banyak kawasan,” katanya selepas Majlis Pelancaran Pasukan Rondaan Keselamatan MBPJ bersama polis, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed.

Program bermula 30 Julai

lalu adalah jalinan kerjasama kedua-dua pihak selaras dengan pendekatan ‘Local Agenda 21’ dan Program Bandar Selamat.

Rondaan dijalankan empat kali seminggu membabitkan dua kumpulan, setiap sesi dengan lapan anggota terdiri daripada penguatkuasa MBPJ dan polis.

Ia memfokuskan kawasan ‘hot spot’ meliputi perumahan, komersial dan tumpuan awam, iaitu perhentian bas dan taman rekreasi.

QR Code untuk baiki mutu pengurusan

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperkenalkan Kod Respon Pantas (QR Code) pada pelekat premis perniagaan di bandar raya itu bagi menambah baik mutu perkhidmatan pengurusan perlesenan.

Datuk Bandar, Datin Paduka Alinah Ahmad berkata sistem itu berkeupayaan memastikan maklumat dalam lesen sama seperti yang dipohon peniaga menerusi telefon pintar.

“Sistem itu ada ciri keselamatan dan maklumat aktiviti perniagaan seperti nombor akaun lesen, nama syarikat, alamat premis, aktiviti lesen dan tempoh lesen.

“Segala maklumat boleh diakses melalui telefon yang ada kemudahan Internet. Ia membantu kami mengesan pemalsuan pelekat (lesen),” katanya pada sidang media sempena Kempen ‘Jom Bayar Lesen 2014’ di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha MBPJ, Ahmat Mohayen Said; Pengarah Penguatkuasa MBPJ, Mohd Fauzi Maarof dan Timbalan Pengarah Perlesenan MBPJ, Sharinaz Shamsudin.

Alinah berkata, MBPJ juga memperkenalkan kad pekerja/pembantu yang ada ciri keselamatan dan sistem QR Code bagi lesen 2014 meliputi aktiviti perniagaan makanan, penjaja, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan serta pusat siber.

“Bagi fasa pertama, MBPJ mewajibkan pemegang lesen penjaja dan pusat siber sahaja untuk mendaftarkan nama pekerja mereka.

“Ini bagi memastikan pekerja itu bukan warganegara asing kerana mereka dilarang menjadi pekerja di pusat siber mahupun penjaja,” katanya.



“

Sistem ini berkeupayaan memastikan maklumat dalam lesen sama seperti yang dipohon peniaga menerusi telefon pintar

ALINAH AHMAD
Datuk Bandar PJ

MENCORAK MASYARAKAT

AHLI AKADEMIK TERSOHOR

UNISEL

UNISEL sentiasa mengenengahkan tenaga pengajarnya yang berpengalaman di dalam bidang industri dan mempunyai pengiktirafan dunia. Seiring dengan hasrat menjadikan Negeri Selangor sebagai hub pendidikan, unisel sentiasa melatih, membekal serta membangunkan sumber manusia yang proaktif berkecakupan dengan menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti serta bermanfaat bagi kepentingan umat sejagat.

Berikut dinamakan beberapa akademia UNISEL yang tersohor di dalam bidang masing-masing.



Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latif Bin Ibrahim

Profesor dan Pengarah Institut Bio-IT Selangor, UNISEL
Penasihat Bioteknologi Negeri Selangor
Pengarah International Islamic Academic for Life Sciences and Biotechnology (IAB)

Pencapaian :

- 1) Penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara 2012
- 2) Ijazah Doktor Kehormat (D. Sc (Hon)) (UniMas) 2002
- 3) Felo Akademi Sains Malaysia dan Akademi Sains Islam, Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)
- 4) Penerima Anugerah Tokoh Sains Negara
- 5) Anugerah Sven Brohult oleh Yayasan Sains Negara Sweden
- 6) Membangunkan Newcastle Disease Vaccine
- 7) Membangunkan Vaksin Avian Influnza (Vaksin Sampar Ayam)
- 8) Menerbitkan lebih 150 kertas kerja saintifik berkaitan dengan mikrobiologi, bioteknologi dan bio-keusahawanan.



Profesor Dr Mohd Nor Bin Nawawi

Profesor dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah UNISEL

Pencapaian :

Pemegang berprestij American Council of Learned Societies (ACLS) (Fulbright)



Dr Salina Bt Muhamad

Dekan Fakulti Kejuruteraan, UNISEL

Pencapaian :

- 1) Penerima Anugerah Penyelidikan Cemerlang UITM (2013)
- 2) Penerima Sulung Anugerah Kedoktoran Cemerlang Tuanku Canselor UITM (2013)
- 3) Silver Medal Salon International Des Inventions Geneve
- 4) Gold Medal Malaysian Association of Research Scientist 2012
- 5) Silver Medal Invention, Innovations and Design IDD 2010



Profesor Dr Mohd Kushairi Bin Rajuddin

Profesor dan Pengarah Centre for Business, Consultancy and Industrial Linkages

Pencapaian :

- 1) Ahli Penyelidikan Saintis di bawah Persatuan Jepun
- 2) Terlibat secara aktif di dalam projek penyelidikan terumbu karang di Laut China Selatan, Selat Melaka serta Laut Jepun sejak 1999
- 3) Rakan Panel Pengulas bagi Journal vie et Milieu (Life & Environment), France
- 4) Perunding Penyelidikan untuk beberapa syarikat terkenal tempatan dan antarabangsa
- 5) Jurulatih Profesional Menyelam SCUBA
- 6) Jurulatih Profesional Underwater Photography (PADI), US

FAKTA RINGKAS MENGENAI UNISEL

- 1 Universiti, 2 Kampus
- Jumlah pelajar : Lebih daripada 13 ribu dari Malaysia dan seluruh dunia
- Program Akademik:

4 Program Tahun Asas	29 Program Diploma
35 Program Sarjana Muda	15 Program Pasca Siswazah
- 8 Buah Fakulti & 9 Pusat Kecemerlangan
- Jumlah Alumni : 18660 (2006 – 2012)
- 2012 : Tertinggi Kebolehpasaran Graduan Selepas Bergraduasi (Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)

PENGAMBILAN OKTOBER 2013 SEDANG DIBUKA.

Mohon di WWW.UNISEL.EDU.MY atau hubungi 03-5522 3535 / 3435 / 3436 untuk maklumat lanjut.

Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor.
Faks : 03-5522 3563 / 03-5510 9277

(KPT/IPS/DPT/US/BO) | (KPT/IPS/DPT/US/BI)

Bantuan untuk Rumah Perlindungan Nur Qaseh



Rodziah beramah mesra dengan Penghuni Rumah Perlindungan Nur Qaseh

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

GOMBAK - Bagi meringankan beban mengendalikan anak-anak yatim di Rumah Perlindungan Nur Qaseh, Kerajaan Negeri memberi sumbangan bagi memudahkan urusan seharian pusat jagaan berkenaan.

Sumbangan sebuah peti sejuk itu disampaikan oleh Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail di pusat jagaan berkenaan di Taman Melawati dekat sini, baru-baru ini.

Rodziah berkata, bantuan Kerajaan Negeri tidak hanya

“

Ini hanya permulaan. Kita akan terus berhubung dengan pengurus tempat jagaan pada masa akan datang

RODZIAH ISMAIL
Exco Kebajikan

bertumpu kepada wang ringgit, tetapi lebih kepada bentuk bantuan yang lebih diperlukan oleh pusat jagaan.

“Ini hanya permulaan. Kita akan terus berhubung dengan pengurus tempat jagaan pada masa akan datang.

“Ada rumah perlindungan yang masih kekurangan dari segi infrastruktur, jadi kita utamakan perkara itu dahulu,” katanya.

Rumah Perlindungan Nur Qaseh bernaung di bawah Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia dan ada 20 anak yatim di premis itu, selain lebih 100 anak yatim yang berdaftar menyertai pelbagai program.

Pengasas Rumah Nur Qaseh, Roslida Che Weail, berkata mereka tidak pernah mendapat sumbangan khusus daripada mana-mana pihak termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta lain-lain agensi.

“Sejak penubuhannya tiga tahun lalu, saya tidak pernah dapat apa-apa bantuan. Jadi dengan sumbangan ini, saya ucapkan terima kasih,” katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
4 - 11 OKTOBER 2013							
28 ZULKAEDAH - 6 ZULHIJAH 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	5:34	5:44	7:00	1:05	4:16	7:06	8:15
05 Sabtu	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
06 Ahad	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
07 Isnin	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
08 Selasa	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:04	8:13
09 Rabu	5:33	5:43	7:00	1:03	4:17	7:04	8:13
10 Khamis	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:04	8:13
11 Jumaat	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:03	8:13
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Jumaat	5:37	5:47	7:03	1:07	4:19	7:08	8:17
05 Sabtu	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
06 Ahad	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
07 Isnin	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
08 Selasa	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:06	8:15
09 Rabu	5:35	5:45	7:02	1:05	4:19	7:06	8:15
10 Khamis	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:06	8:15
11 Jumaat	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:05	8:14



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	Taraf / Jenis Syarikat	Syarikat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama Seri Kundang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Bumiputera T1	Mempunyai Pendaftaran seperti berikut i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan ii) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra yang masih sah Gred: G6 Kategori: B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Tarikh Dokumen Dijual: 03/10/2013 (Khamis) Hingga 17/10/2013 (Khamis)	RM360.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (Bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 24/10/2013 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Lawatan Tapak di **WAJIBKAN** tarikh **03/10/2013 jam 10.30 pagi** bertempat di Pejabat JKR Gombak. Sebarang masalah sila berhubung di Bahagian Bangunan, JKR Gombak. No. Tel: **03-61311328/1329**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Sijil asal PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN serta SIJIL TARAF BUMIPUTERA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

*Jenis Pendaftaran: T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
T2 - Tidak berkenaan



MBSA perkasakan jabatan untuk kesejahteraan warga Shah Alam

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Warga Shah Alam bakal menikmati kehidupan yang lebih sejahtera menerusi pemerkasaan fungsi beberapa jabatan dalam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Perkara itu terkandung dalam Belanjawan 2014 MBSA yang mempunyai enam teras, iaitu kehidupan sejahtera dan kondusif, perkhidmatan terbaik, peka terhadap aduan masyarakat, masyarakat dan 'stakeholders' sebagai pelanggan, sistem penyampaian yang cekap dan rondaan keselamatan, jelas Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan.

Beliau berkata, Belanjawan 2014 MBSA juga mensasarkan pulangan hasil melebihi RM350.6 juta menerusi hasil cukai dan bukan cukai bagi meneruskan pembangunan di kawasan seliaannya.

"Belanjawan kita pada 2014 adalah belanjawan berimbang. Dijangka usaha ini akan mendapat hasil kira-kira RM350,640,430 maka kita akan berbelanja sebanyak yang kita dapat.

"Kita menyahut hasrat Kerajaan Negeri supaya belanjawan ini diberikan balik kepada pembangunan insan dan

“

Kita menyahut hasrat Kerajaan Negeri supaya belanjawan ini diberikan balik kepada pembangunan insan dan masyarakat bagi warga Shah Alam serta pembayar cukai dan pelabur. Antara tindakan adalah kita akan memperkasa beberapa jabatan di MBSA

JAAFAR ATAN
Datuk Bandar Shah Alam

masyarakat bagi warga Shah Alam serta pembayar cukai dan pelabur. Antara tindakan adalah kita akan memperkasa beberapa jabatan di MBSA," katanya.

Bercakap dalam satu sidang media selepas Majlis Mesyuarat Pembentangan Belanjawan 2014 MBSA, Mohd Jaafar berkata, antara jabatan yang akan diperkasa adalah Ja-



Belanjawan 2014 MBSA, memberi banyak manfaat kepada penduduk Shah Alam

batan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Taman dan Rekreasi serta Jabatan Hasil dan Pelaburan dengan penubuhan beberapa unit baru.

"Kita akan tubuhkan satu Unit Integriti (di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan) ba-

gi menjaga disiplin Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MBSA. Ia akan diketuai pegawai SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) yang dipinjam sementara. Kita akan tubuhkan bila diluluskan Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, antara unit baru yang juga akan ditubuhkan ialah Unit Polis Bantuan di bawah Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Unit Pengurusan Dewan-Dewan Serbaguna (Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti), Unit Penyelenggaraan (Jabatan Kejuruteraan) dan Unit Pengurusan Tempat Letak Kereta (Jabatan Hasil dan Pelaburan).

"Dalam belanjawan tadi, penubuhan Unit Polis Bantuan dengan kekuatan 100 anggota, MBSA melalui Kerajaan Negeri akan memohon kepada Ketua Polis Negara dan kita berharap ia akan diluluskan," katanya.

Antara lain, belanjawan yang

dibentangkan MBSA itu juga akan membaiki dan menambah baik beberapa dewan orang ramai di sekitar bandaraya itu dengan kos RM3.5 juta.

Tidak ketinggalan, projek laluan basikal juga akan diteruskan, selain beberapa kemudahan seperti taman cergas dan taman awam juga akan dibangunkan.

"Kita juga akan menaik taraf dan mempertingkatkan sistem pengangkutan awam sedia ada, iaitu di terminal bus di Seksyen 17 dan 19.

"Terminal bus di Seksyen 19 akan dibangunkan dengan kos RM4 juta, manakala terminal bus di Seksyen 17 dengan kos RM7 juta yang mana kita akan mohon kos tambahan itu," katanya.

Beliau berkata, MBSA juga merancang menubuhkan sebuah Dewan Banquet bertaraf antarabangsa di kawasan Seksyen 13 pada masa depan dengan anggaran kos RM27 juta.



Terminal bus di Seksyen 17 yang bakal dibangunkan